

## **PENDIDIKAN KEROHANIAN UNTUK MEMBINA KEMAMAPANAN IDENTITI REMAJA MUSLIM**

Wan Haslinawati Wan Hassan  
wanhaslinawati@gmail.com

Mohd Isa Hamzah  
isa\_hamzah@ukm.edu.my

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Remaja adalah pewaris pemimpin dan kehidupan akan datang yang perlu dibangunkan identitinya sesuai dengan perkembangan dan keperluan negara bertamadun. Kemampanan identiti generasi remaja yang berkualiti dan berdaya tahan akan terserlah sekiranya kefahaman dan penghayatan agama dijadikan sebagai panduan utama untuk memimpin masyarakat ke arah kejayaan. Remaja perlu mempunyai pegangan teguh kepada agama serta mengaplikasikan konsep yang dianjurkan oleh Islam dalam kehidupan seharian mereka. Sejarah ketamadunan Islam melakarkan kejayaan Rasulullah SAW membentuk remaja muslim yang hebat seperti Zubair bin al-Awwam dan Talhah bin Ubaidah. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan pendidikan kerohanian dan konsep jihad bagi penghayatan hidup beragama dalam membentuk identiti diri remaja muslim. Kajian ini menggunakan analisis dan sintesis daripada literatur kajian lepas. Elemen-elemen dalam kajian ini membantu tahap perkembangan remaja kepada destinasi yang penuh dengan kesejahteraan, kebahagiaan dan keamanan. Kerjasama dari semua pihak yang berpengalaman dapat membantu bagi membina identiti remaja muslim yang cemerlang.

*Kata kunci: Pendidikan Kerohanian, Jihad, Penghayatan Agama, Remaja Muslim.*

### **Pendahuluan**

Pembangunan identiti remaja muslim dipengaruhi oleh banyak faktor. Teori hirarki keperluan manusia yang dibentangkan oleh Abraham Maslow (1908-1970) bersifat humanistik (Farah Ellina et al. 2019) dan meletakkan pembinaan identiti merupakan satu agenda utama dalam pendidikan. Identiti melambangkan kualiti yang ada pada diri seseorang individu. Pendidikan formal dan tidak formal berperanan membentuk ideologi (Aizan dan Murni 2017) serta identiti individu di samping menghalang budaya yang akan mempengaruhi mereka.

Sistem pendidikan negara amatlah penting untuk membangunkan potensi seseorang individu yang menjurus kepada kecemerlangan peribadi. Makmur Harun (2015) berpendapat sistem pendidikan di Malaysia ketandusan aspek kerohanian akibat daripada unsur-unsur Islam yang telah dimasuki unsur Barat. Oleh itu, membina kemampanan modal insan untuk memenuhi gaya hidup Islam bagi meningkatkan peradaban bangsa perlulah mempunyai keazaman yang tinggi

sama ada dari aspek rohani atau jasmani (Jasmi et al.2017). Seseorang muslim yang mementingkan kehidupan beragama disebut sebagai *al-mutadayyin* akan sentiasa memastikan dirinya berada dalam keimanan.

Ilmu dan iman akan diterjemah melalui bentuk tindakan dan tingkah laku yang baik hingga amalan yang dilakukan tersebut melahirkan ketenangan diri serta dapat dirasai oleh jiwa. Konsep takwa dalam diri manusia ialah patuh terhadap segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang dimurkai-Nya (Sharifah Hayaati 2017). Oleh demikian, individu yang bertakwa kepada Allah SWT merupakan seorang insan yang menghayati kehidupan beragama dalam mencari erti kehidupan sebenar. Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman agar sentiasa bertakwa, menjiwai ilmu dan iman dalam setiap tindakan dan amalan yang mencakupi seluruh dimensi kehidupannya hingga wujud ketenangan dalam diri (Bakar et al. 2019).

Allah SWT memerintahkan kepada orang yang beriman agar bertakwa. Perintah ini sering disebutkan dalam al-Quran antaranya firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

*Ertinya : “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam!”*

*(Surah Ali Imran 3:102)*

Melalui ayat di atas, Allah SWT memberi jaminan kebahagiaan di dunia dan di akhirat bagi manusia yang sentiasa bertakwa. Jelas sekali perintah dalam ayat al-Quran tersebut mengandungi kebaikan yang Allah kurniakan kepada orang yang bertakwa, beriman dan sentiasa beramal soleh. Amalan takwa dalam mempraktikkan kehidupan beragama dapat menghalang diri dari penyelewengan terhadap agama, melahirkan keimanan, kepatuhan serta membentuk peribadi dan sahsiah (Maisarah 2017; Rafiza 2015) yang diredhai oleh Allah SWT yang akan memberi kesan positif dalam kehidupan manusia.

Menurut Syamila dan Che Zarina (2020), faktor yang menyumbang kepada peningkatan gejala sosial dan jenayah dalam kalangan remaja Muslim adalah disebabkan kurang asas pengetahuan agama dan penghayatan agama yang kurang sempurna. Justeru, pendidikan kerohanian sangat penting bagi setiap orang Islam dalam menempuh era cabaran kehidupan di alaf baru ini. Pendidikan kerohanian merupakan medium terbaik sebagai teras pembinaan dan perkembangan ilmu pengetahuan bagi menangani krisis kecelaruan yang dialami oleh remaja. Menurut Nur Anis et al. (2018) tidak dapat dinafikan bahawa pemantapan sahsiah remaja memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak dan individu.

Pendidikan kerohanian yang diperolehi secara tidak langsung di rumah dapat membentuk seorang remaja yang cemerlang (Ismail dan Jasmi 2016) serta perlu dititikberatkan sama ada secara formal atau tidak formal semenjak dari kecil dan dapat dilihat penghayatannya di usia dewasa melalui kecenderungan amalan cara hidup beragama. Para ulama pada zaman dahulu banyak mempraktikkan teori ini iaitu mendedahkan anak sejak di usia yang masih kecil dengan pendidikan kerohanian. Penekanan didikan rohani yang diberikan apabila telah menginjak dewasa dianggap

sudah terlewat serta memberi banyak kesulitan (Jasmi et al. 2017). Ianya saling berkait rapat dalam membentuk remaja muslim yang positif dan mempunyai nilai-nilai murni dalam diri.

Kini, menjadi cabaran pendidikan Islam di Malaysia untuk melakukan tranformasi terhadap pendidikan daripada hanya menumpukan kepada kemahiran dan pengetahuan kepada tumpuan yang lebih kepada memahami, membina, mengamalkan, menghayati dan menilai. Hasil penerapan pendidikan ini akan menghasilkan pelajar yang mempercayai ilmu selepas dipelajari, menghayati, mengamalkannya (Mohd Aderi Che Noh et al. 2018) serta mempunyai keberanian jati diri, ilmu dan akhlak yang seimbang sebagai muslim sejati (Rahmah Ibrahimi et al. 2017).

## **Pendidikan Kerohanian**

Proses mentarbiah remaja adalah usaha yang berterusan (Ariffin et al. 2018) supaya mereka dapat membiasakan diri dengan akhlak yang terpuji dan menjauhi sifat-sifat yang keji. Remaja perlu sentiasa mengenal diri dan bermuhasabah serta konsisten mendidik diri untuk mencapai akhlak yang baik ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh remaja muslim adalah dari aspek rohani iaitu memahami, mengimani, mengamalkan dan menyampaikan segala ajaran Islam seperti yang terkandung dalam rukun iman dan rukun Islam (Kamarul Azmi et al. 2017). Apabila aspek pendidikan kerohanian yang utuh di dalam diri itu wujud maka lahirlah kefahaman agar sentiasa beriman dan beramal dengan segala isi kandungan rukun iman dan rukun Islam sebagai asas pegangan hidup. Maka lahirlah konsep jihad dalam diri bagi melawan hawa nafsu seterusnya membentuk remaja muslim yang kukuh dan mantap keimanannya.

Melalui penulisan ini akan memberi tumpuan kepada pendidikan jihad iaitu salah satu daripada aspek yang terkandung dalam pendidikan kerohanian. Kefahaman dan penghayatan agama dalam kalangan remaja menjadi faktor penting untuk menghasilkan remaja yang mampan dari segi sahsiah dan identitinya. Konsep jihad akan memupuk semangat juang yang tinggi sebagai benteng untuk sentiasa berada dalam keimanan, ketaatan dan keazaman yang kukuh (Abdullah Nasih 1998; Jasmi et al. 2017 ; Norul Huda et al. 2019) agar menjadi bekalan di akhirat.

Pendidikan jihad adalah salah satu cabang amalan mulia yang boleh ditunjukkan melalui sifat takwa seseorang muslim sejati. Jihad merupakan amalan kekuatan yang dituntut dalam agama bagi membina benteng ketakwaan dalam diri manusia agar sentiasa terpelihara dari kelalaian kehidupan di dunia yang menghampiri kemusnahan serta kecelakaan. Situasi umat Islam masa kini yang seringkali tertindas akibat kelemahan iman yang ada dalam diri iaitu lebih cintakan dunia dan takut untuk mati. Sebagaimana Firman Allah SWT (al-Quran 8:60):

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُوهُمْ  
اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

*Maksudnya: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk*

*menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.”*

(Al-Anfal:60)

Sayyid Qutb mentafsirkan bahawa jihad berdasarkan ayat di atas ialah kewajipan yang mengiringi wajibnya untuk berjihad. Jelas menunjukkan bahawa jihad adalah sebahagian daripada tingkat ketakwaan seseorang muslim dan asas dalam pendidikan Islam dalam memupuk ciri unggul dan membina kemampanan identiti remaja muslim sejati (Norul Huda et al. 2019).

## Remaja Muslim

Remaja adalah kategori umur bermula 10 hingga 12 tahun yang mengalami perubahan dari kanak-kanak ke awal dewasa (Aizan Mat Zin dan Buchik 2017) dan golongan yang berusia 13 hingga 24 tahun. Peralihan umur ini merupakan tahap awal peralihan dan persediaan manusia dari alam kanak-kanak untuk menjadi seorang belia yang telah dewasa (Mohd Yusof Ismail dan Syed Nijahuddin 2011). Dalam istilah bahasa Arab remaja disebut sebagai *murahaqah* berasal dari perkataan *rahaqa* yang bererti dari sudut bahasanya ialah bodoh, ringan, melakukan kezaliman, keburukan dan melakukan perkara yang diharamkan. Membebaskan seseorang dengan sesuatu yang tidak mampu dilakukan atau tindakan membuat helah, dusta serta tergesa-gesa. *Rahiqah* membawa maksud hampir kepada usia dewasa dan hampir sempurna kematangannya. Al-Rahq pula bermaksud menguasai dan bertambah iaitu di mana keadaan yang mencerminkan emosi seseorang remaja (Aizan dan Buchik 2017).

Remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur berkahwin (Kamus Dewan 2010; Kamus Pelajar 2008). Melalui perbincangan, perkataan remaja mempunyai pelbagai pengertian. Namun, persetujuan dari pelbagai pihak bahawa tahap remaja adalah tahap umur yang sedang berkembang dan melibatkan sesetengah perubahan. Kesan daripada faktor biologi dan psikologi yang sering mengalami perubahan, tahap usia remaja juga adalah tahap ‘ribut dan tekanan’ yang perlu dilalui bagi seseorang remaja.

Dalam bahasa Inggeris pula, remaja ialah *adolescence* iaitu ‘to grow’ atau ‘to grow maturity’ yang berasal daripada bahasa Latin membawa maksud ‘membesar’ atau ‘membesar menjadi matang’ (Jahja 2011; Khamim 2017). Oleh itu zaman remaja merupakan proses untuk mencapai atau memperolehi penglibatan yang dipercayai serta memberi kesan terhadap masyarakat sekeliling. Golongan remaja adalah golongan yang akan mentadbir dunia pada masa akan datang dan mereka perlu dididik agar menjadi warisan dunia yang mempunyai ilmu pengetahuan seiring dengan akhlak yang mulia serta berperibadi unggul.

Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi, kejayaan sesebuah negara di masa hadapan bergantung kepada pembentukan generasi remaja muslim berperibadi unggul serta berkualiti untuk memimpin masyarakat ke arah mencapai kejayaan. Pembinaan sebuah negara yang maju dan mampan memerlukan perancangan yang teliti. Golongan Generasi Y atau generasi millennia (yang lahir antara 1981 hingga 1994) dan Generasi Z atau i Generation (yang lahir antara 1995 hingga

2010) merupakan golongan yang mewakili anak-anak pada usia remaja. Golongan ini kurang memberi fokus kepada aspek dan nilai kekeluargaan. Kehidupan mereka hanya bergantung kepada teknologi melebihi kebergantungan terhadap nilai tuntutan asas manusia (Rahimah Jamaluddin et al. 2017). Oleh yang demikian, situasi pada hari ini menyaksikan penularan pelbagai budaya dan gejala yang tidak sihat dalam kalangan remaja muslim. Jati diri dan kemampuan identiti remaja muslim semakin lama kian terhakis dek kerana kemerosotan akhlak yang semakin membimbangkan.

Ketika tempoh peralihan usia remaja, seseorang individu akan terbentuk jiwa, pemikiran dan kematangannya. Sememangnya sikap ingin mencuba sesuatu yang baru dan gemar kepada perkara yang menyeronokkan adalah sifat yang ada pada semua remaja, tetapi sifat ini perlu sentiasa dipantau dan bagaimanakah cara untuk menghalalkan setiap keinginan itu perlulah berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Mereka akan terus hanyut tanpa kawalan sekiranya tidak dididik dan dibina dengan adab dan akhlak yang mulia.

Remaja adalah aset negara yang bakal memimpin negara pada masa hadapan (Nur Anis et al. 2019) pelapis dan pewaris yang disandarkan harapan penyumbang ke arah kemajuan dan kemakmuran negara (Zaidi et al. 2020) yang ideal. Justeru itu, bimbingan dari segi keagamaan (Basirah 2018; Aizan dan Buchik 2017) memainkan peranan yang sangat penting terutama penekanan aspek-aspek yang merangkumi pendidikan rohani, akidah, adab, feqah dan muamalat semenjak dari kecil lagi. Penerapan kesemua aspek ini akan menyebabkan remaja sentiasa bersedia untuk berfikir matang menuju ke arah pembentukan sahsiah yang baik dan bertanggungjawab. Oleh yang demikian, pemikiran yang matang dan rasional diperolehi melalui pendidikan ilmu yang mampu menghubungkan generasi baru untuk mewarisi ilmu bersandarkan al-Quran dan as-Sunnah.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan metode analisis kandungan. Data diperolehi dari literatur lepas, jurnal dan artikel berkaitan dengan tajuk kajian.

## **Dapatan Kajian**

### **Konsep Jihad Dalam Islam**

Perkataan jihad berasal dari kata *al-juhd* artinya *al-taqah* (kekuatan), *al-wus'u* (usaha) dan *al-masyaqqah* (kesulitan). Dalam Kamus *Taju al'Arus* terdapat dua maksud jihad iaitu *al-qitalu ma'a al-'aduwwi, kal mujahadah* (memerangi musuh seperti bermujahadah) dan *muharabatu al-a'dâ', wa huwa al-mubâlaghah waistifrâghu mâ fi al-wus'i wa al-tâqati min qawlin aw fi'lin wa almurâd bi al-niyyah ikhlash al-'amal lillâhi ta'ala* (memerangi musuh dengan penuh kesungguhan dan kekuatan, sama ada melalui perkataan atau perbuatan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT. Manakala dalam *Lisânu al-'Arab* tertulis, jihad adalah *qâtala wa jâhada fi sâbilillah* (berperang dan berjuang di jalan Allah) (Bakar et al. 2019).

Jihad adalah memelihara dan membela agama Allah SWT sama ada melalui fizikal atau pemikiran yang difardukan ke atas semua umat Islam. Al-Kasani menyebut bahawa jihad ialah mencurahkan segala kekuatan dan berperang ke jalan Allah SWT sama ada secara lisan, mengorbankan jiwa dan juga harta. Menurut Hasyiah Al-Adawi Al-Maliki, maksud jihad fi sabilillah ialah bersungguh-sungguh dalam mengabdikan diri melalui ketaatan meninggikan kalimat-Nya tanpa berbelah bagi. Memerangi jiwa (hawa nafsu), syaitan dan orang fasik juga adalah jihad dengan mempelajari dan mengamalkan ilmu agama serta menyampaikannya sebagai ilmu kepada orang lain. Jihad melawan syaitan adalah dengan menahan diri dari perkara syubhah dan syahwat. Manakala jihad melawan orang kafir dan fasik ialah melalui lisan, hati dan harta (Bakar et al. 2019).

Justeru, jihad merupakan kalimah yang merangkumi seluruh bentuk pengorbanan dan keupayaan individu. Semangat jihad dapat diperolehi melalui kebebasan diri dari terlalu cintakan dunia di samping dapat melengkapkan diri dengan ilmu, zuhud terhadap nikmat duniawi dan tidak mudah gentar dengan maut.

## Pembahagian Jihad Dalam Islam

Pelbagai bentuk jihad dalam Islam iaitu:

1. Menginfaikkan harta bagi tujuan jihad fi sabilillah. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؕ أُولَٰئِكَ هُمُ  
الصَّادِقُونَ

*Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar”.*

(al-Hujurat 49:15)

2. Jihad *tabligh* iaitu dengan cara berdakwah kepada orang kafir, ateis dan munafik dari menyelewengkan agama Islam secara lisan. Kewajipan bagi setiap muslim untuk membawa mereka kepada ajaran Islam yang sebenar. Sebagaimana firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ؕ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ  
لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ؕ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

*Maksudnya: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik”.*

*(Surah Ali ‘Imran 3:110)*

Menurut sunnah Rasulullah SAW pendidikan akidah perlu diberi penekanan terlebih dahulu dalam menyampaikan dakwah. Kemudian diikuti aspek ibadah, penghayatan hidup beragama dan pembentukan peribadi untuk membina sistem politik ke arah pembangunan sebuah negara Islam yang sempurna. Aspek kesabaran juga perlu dipupuk untuk menghadapi tentangan dari musuh Islam yang hadir dalam pelbagai cara. Kesabaran dalam berjihad boleh diambil iktibar melalui kisah Rasulullah SAW dan rasul terdahulu untuk menyampaikan dakwah kepada umat manusia. Ujian yang dihadapi oleh para rasul merupakan ujian yang paling berat berbanding dengan ujian yang kita hadapi pada zaman ini.

Salah satu tanda kemanisan iman ialah melalui kesabaran seorang muslim sejati menghadapi ujian dalam kehidupannya melalui konsep jihad. Sebagaimana semangat jihad yang ada pada sahabat Rasulullah SAW seawal dakwah baginda pada zaman dahulu. Antaranya ialah Bilal bin Rabah, ‘Ammar bin Yasir serta keluarganya yang disiksa secara fizikal hingga boleh membawa kematian akibat mempertahankan keimanan mereka.

3. Jihad pembelajaran iaitu usaha membentuk generasi berilmu pengetahuan, berbudi pekerti mulia untuk memahami Islam secara menyeluruh dan menyebarkan Islam kepada masyarakat agar terhindar daripada perbuatan maksiat dan kerosakan yang membawa kepada kemusnahan sesebuah negara.

Sabda Rasulullah SAW:

تناصحوا في العلم فإن خيانة أحدكم في علمه أشد من خيانتة في ماله وإن الله عز وجل سائلكم يوم

القيام

*Maksudnya: Saling menasihatilah kamu dalam ilmu, sesungguhnya pengkhianatan yang dilakukan antara kamu dalam ilmunya lebih dahsyat daripada pengkhianatannya dalam hartanya. Dan sesungguhnya Allah ‘azza wajalla akan mempersoalkan kepada kamu pada hari kiamat.*

Seseorang muslim haruslah melengkapkan diri dengan ilmu bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah seperti tauhid, usul fiqh, tafsir, hadis dan seumpamanya (Bakar et al. 2019). Mencontohi dan mengambil ibrah terhadap sejarah Islam dan sirah Rasulullah SAW pada zaman dahulu. Pembentukan identiti remaja muslim dapat terus berkembang sekiranya menghayati nilai sebenar perjuangan hidup membela nusa dan bangsa seperti pada zaman Khulafak ar-Rasyidin. Keperluan memperkasakan sirah dan tamadun Islam

agar dapat menyuntik semangat jihad dalam diri remaja muslim berdasarkan peristiwa-peristiwa dan kejadian permasalahan masa kini yang boleh dijadikan iktibar mencari jalan penyelesaian masalah pada masa hadapan.

4. Jihad politik. Demi menegakkan daulah Islamiyyah berdasarkan prinsip-prinsip dan kaedah Islam yang sempurna. Muslim pada zaman ini menghadapi cabaran yang hebat apabila dibenci oleh pelbagai golongan yang ingin menjatuhkan syiar Islam dan menghancurkan akidah umat Islam melalui gerakan orientalis, kritianisasi, tentangan negara komunis, zionisme di peringkat antarabangsa serta penjajahan globalisasi.

Kewajipan pembentukan negara Islam merupakan fardhu ain bagi setiap muslim. Jika seseorang pemerintah muslim melakukan kesalahan, termasuk juga dalam jihad politik untuk rakyat menegurnya. Menasihati seseorang (muslim) termasuk juga sebagai satu jihad. Seperti yang disebutkan oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya:

Ertinya: “Jihad yang paling utama adalah perkataan yang benar dihadapan penguasa yang zalim”

Menyampaikan dakwah dan menasihati sesama muslim merupakan salah satu jihad yang paling utama (afdhal) disisi Allah (Al-Hilal 2018).

5. Jihad peperangan. Terbahagi kepada dua iaitu memerangi mereka yang secara sengaja menzahirkan kekufuran dan kesesatan dalam negara Islam dan yang kedua, memerangi mereka yang menghalang usaha berdakwah di negara *harbi*.
6. Jihad melawan hawa nafsu. Kemampuan mengawal diri secara mujahadah, muraqabah dan muhasabah. Jihad ini merupakan asas yang penting bagi mengawal hawa nafsu dengan melakukan kewajipan seperti yang disyariatkan dalam Islam. Berusaha untuk memelihara solat, menahan diri daripada perkara yang sia-sia, memelihara kemaluan daripada zina serta berpegang teguh kepada amanah yang diberi. Keikhlasan dalam melaksanakan ibadat akan lahir tanpa disertai sifat riak dan takabbur dalam diri.

### **Contoh Teladan Identiti Remaja Melalui Pendidikan Jihad Rasulullah SAW**

Sejarah dan tamadun Islam melahirkan ikon-ikon remaja Islam yang berperibadi unggul dan mempunyai iman yang kental hasil kejayaan tarbiah melalui pendidikan jihad Rasulullah. Antara ikon remaja tersebut ialah:

- 1) Abdullah Ibn Mas’ud  
Beliau merupakan pembantu Rasulullah SAW yang memeluk Islam pada usia yang sangat muda. Sering menerima pengajaran wahyu secara langsung dari Rasulullah SAW kerana kedudukan yang hampir dengan baginda. Kemahiran Abdullah Ibn Mas’ud membaca al-Quran dipuji oleh Rasulullah SAW. Kefahaman yang mendalam tentang ilmu al-Quran menjadikan beliau seorang yang taat dan zuhud. Dirwayatkan bahawa beliau seorang yang berani dan



tidak gentar menghadapi peperangan mempertahankan Islam serta muslim pertama yang berani membaca al-Quran secara terang-terangan (al-Basya 1997).

2) Abdullah Ibn Huzafah al-Sahmy

Pemuda yang sangat berani menjadi utusan Rasulullah SAW kepada Kisra iaitu Raja Parsi. Penghantaran wakil sebagai utusan yang melibatkan pertaruhan nyawa dan berisiko tinggi ini bertujuan untuk misi dakwah dan pengiktirafan negara Madinah. Abdullah memulakan perjalanan secara bersendirian bersama semangat jihad dan keberanian yang ada dalam dirinya. Beliau bertegas untuk menyerahkan surat daripada Rasulullah SAW ke tangan Kisra sendiri tanpa melalui menteri kerajaan tersebut. Akhirnya, Abdullah pulang dengan selamat ke Madinah (al-Basya 1997).

3) Nusaibah binti Ka'ab

Nusaibah merupakan seorang wanita yang menyahut seruan jihad untuk menghulurkan bantuan di medan perang. Walaupun beliau ditugaskan sebagai jururawat untuk membantu pejuang Islam yang tercedera, namun di sebalik sifat kewanitaannya itu beliau turut mengangkat senjata mempertahankan Rasulullah SAW ketika baginda dikepung dalam Peperangan Uhud sehingga kehilangan anggota tangannya (Zaenab 2012).

4) Asma' binti Abu Bakar

Beliau ditugaskan untuk membawa bekalan makanan kepada bapanya Abu Bakar al-Siddiq dan Rasulullah SAW semasa persembunyian mereka dalam peristiwa hijrah ke Madinah. Beliau tidak takut dan gentar walaupun dirinya terdedah kepada bahaya ketika melalui jalan berbatu besar yang jauh dari Mekah untuk ke Gua Thur. Beliau pernah ditampar oleh Abu Jahal kerana berpegang pada janji untuk merahsiakan tempat persembunyian Rasulullah SAW dan Abu Bakar. Pengorbanan Asma' mendapat pengiktirafan Rasulullah sehingga mendapat gelaran *Dhat al-Nitaqayn* (pemilik dua tali pinggang) kerana sanggup memotong tali pinggangnya untuk mengikat bekalan makanan yang dibawa (Nurvitasari 2014).

## Kesimpulan

Pendidikan kerohanian merupakan aspek utama dalam mengharungi kehidupan pada abad yang semakin mencabar. Dalam tahap perkembangan diri ke arah pembinaan identiti, sewajarnya pembentukan rohani haruslah utuh agar menjadi panduan dalam memimpin remaja untuk sentiasa berdisiplin dan konsisten melaksanakan kebaikan. Remaja adalah pewaris dan bakal pemimpin negara pada masa hadapan yang sentiasa membawa perubahan. Usaha yang bersepadu dan menyeluruh daripada semua pihak begitu penting bagi membendung permasalahan remaja pada masa kini. Penghayatan hidup beragama remaja akan lebih kukuh sekiranya ditanam dengan sifat ketakwaan dan semangat cintakan agama dalam diri. Pendidikan jihad merupakan sebahagian daripada pendidikan Islam. Remaja muslim dapat meneladani konsep jihad melalui sirah dan tamadun Islam bagi membina benteng yang kukuh dalam diri untuk menjadi muslim yang mampan dari segi identitinya.

## Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1998). *Hatta Ya'lam al-Syabab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Aizan Mat Zin, A.A. & Buchik, M. (2017). Isu dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*. 12(2), 41–49.
- Al-Hilal, Y. (2018). Makna Jihad Dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Istighna* 1(2), 144–152.
- Arifin, R.B.M., Teh, K.S. bin M. & Amrullah, M. (2018). Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Strategi Pelaksanaan Iklm Dini Di Sekolah. *PEDAGOGIA: Jurnal Pendidikan*. 7(2), 137.
- Basirah Abu Bakar, Mohd Yakub@Zulkifli Bin Mohd Yusoff & Muhammad Alihanafiah bin Norasid. (2018). Manhaj Al-Quran Mengenai Dakwah Terhadap Remaja: Satu Kajian Bibliomatik. *Jurnal Ulwan*. 3(1), 70–88.  
<http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/285>.
- Farah Ellina Khaidzir, Aslinda Mohd Noor, Halim Paimun, Nur Aqidah Abdullah & Siti Nur Fariha Hisham. (2019). Keberkesanan Program Kerohanian "Salam Ad-Dhuna" di Kolej Komuniti Segamat". *Politeknik & Kolej komuniti Journal of Life Long Learning*. 3(1), 160-173.
- Jahja Yudrik. (2011). *Psikologi Perkembangan*. Jakarta: Kencana.
- Jasmi, K.A., Mustari, M.I. & Chik, N.A.B. (2017). Membina Remaja Cemerlang Dengan Kerohanian. *Remaja Hebat Siri 1: Dasar Remaja Hebat* 57–81.  
Kamarul\_Azmi\_Jasmi/publication/317209757\_Membina\_Remaja\_Cemerlang\_dengan\_Kerohanian/links/593b6353aca272c4d93b04c7/Membina-Remaja-Cemerlang-dengan-Kerohanian.pdf.
- Kamus Dewan. (2010). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khamim Zarkasih Putro. (2017). Memahami Ciri dan Tugas Perkembangan Masa Remaja. *APLIKASIA Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama*. 17(1), 25-32.
- Maisarah Binti Yaacob. (2017). *Unsur Tarbiah Dalam Novel Komsas*. Tesis. Universiti Putra Malaysia.
- Makmur Haji Harun. (2015). Pendidikan sebagai Warisan Islam: Kajian dalam Perspektif Sejarah. [Online]([https://www.researchgate.net/profile/Makmur\\_Harun/publication/283318728\\_PENDIDIKAN\\_SEBAGAI\\_WARISAN\\_ISLAM\\_Kajian\\_dalam\\_Perspektif\\_Sejarah/links/5632def208ae911fcd491ac2.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Makmur_Harun/publication/283318728_PENDIDIKAN_SEBAGAI_WARISAN_ISLAM_Kajian_dalam_Perspektif_Sejarah/links/5632def208ae911fcd491ac2.pdf)) (akses pada 19 Oktober 2020)
- Mohd Aderi Che Noh, Asmawati Suhid, Z.A.R. (2018). Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Islam Dalam Mendepani Globalisasi. *International Seminar On Islamic Education*. Ponogoro.
- Mohd Yusof Ismail, S.N.S.H. (2011). Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Muslim Sejati. *Research Gate* 31–46. t: [Online](<https://www.researchgate.net/publication/307175485>) (akses pada 15 Oktober 2020)
- Norul Huda Bakar, Ismail, N. & Majid, M.A. (2019). Membangunkan Penghayatan Hidup Beragama Dalam Kalangan Remaja Melalui Pendidikan Jihad Developing Sense of Religiosity among Youths through Jihad Education. 147–161.
- Nur Anis Abdullah, R.E.& A.Y. (2018). Pembinaan Modul Pemantapan Sahsiah Ulul Albab bagi Pelajar Islam. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 1(1), 8–20.
- Rahimah Jamaluddin, Ab, Rahim Bakar, S.S.S. (2017). Penerapan Nilai Kekeluargaan: Adakah Ianya Penting? *Sains Humanika*. 9(1–5), 87–92.

- Rahmah Iberahim, A., Mahamod, Z. & Muna Ruzanna Wan Mohamad, W. 2017. Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*.7(2), 2180–4842.
- Siti Aisyah Kamaruddin, L.A.M. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *al-Turath*. 2(2), 31–37.
- Syamila Syamim Mohd Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Bitara International Journal Of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(1),130-144.
- Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid & Abdul Halim Ali. (2020). Kerasulan Insan Kamil membentuk modal insan dalam Novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8(2), 16-27.
- Zaenab Abdullah. (2012). *Jihad Perempuan Dalam Perspektif Hadis Nabi*. Disertasi UIN Alauddin Makassar.